

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24 MAY 2016

Sistem wakaf biayai institusi pondok

BH-24/5/2016

→ Universiti Al-Azhar antara guna kaedah: PM

Oleh Rosli Abd Jalil, Hanneeyzah Bariah Baharin, Mohd Nasaruddin Parzi dan Baharom Bakar
bhkt@bh.com.my

✦ Kuala Nerus

Datuk Seri Najib Razak berkata sistem wakaf adalah antara pendekatan yang baik dan munasabah untuk mencari penyelesaian kepada masalah kewangan yang dihadapi institusi pondok di negara ini.

Katanya, pendekatan wakaf sudah lama diamalkan di institusi pengajian tinggi terkemuka dunia seperti Universiti Al-Azhar di Mesir serta universiti di negara Barat.

“Universiti terkemuka seperti Harvard, Cambridge dan Yale adalah contoh terbaik yang menggunakan dana orang awam

“Dalam sejarah, wakaf termasuk antara manfaat yang paling mendapat perhatian umat Islam. Hampir setiap kota besar Islam juga ada universiti, perpustakaan dan pusat Islam daripada hasil wakaf.

“Saya berharap semua ini akan membuka hati umat Islam dalam negara ini untuk menggunakan kaedah wakaf untuk pelbagai tujuan, termasuk pembangunan institusi pondok pada masa akan datang,” katanya ketika berucap menutup Ijtimak Pondok Malaysia 2016 bertemakan ‘Pemantapan Institusi Pondok Melalui Sistem Wakaf’ di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di sini, semalam.

Seramai 4,000 peserta terdiri daripada wakil institusi pengajian pondok, institusi pendidikan dan pengajian tinggi dari seluruh negara menyertai program selama dua hari anjuran YPPM itu, yang

bertujuan mengumpul dan menggerakkan secara proaktif pihak yang menjadi tunjang bagi memartabatkan institusi pondok.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Ahmad Razif Abd Rahman; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh; Pengerusi Eksekutif Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia (YPPM), Datuk Dr Mashitah Ibrahim dan Naib Canselor UMT, Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar.

Najib turut mengumumkan peruntukan RM2.5 juta kepada YPPM termasuk RM500,000 untuk Tabung Kasih Perdana Menteri.

Pondok berpengaruh

Najib berkata, ketika zaman kegemilangan pada pertengahan abad ke-19 dan ke-20, institusi pondok sangat berpengaruh, bukan sahaja banyak, malah penerimaan masyarakat sangat baik, manakala

pengiktirafan kepada ulama dan guru pondok juga tinggi.

Bagaimanapun, katanya, ketika ini institusi pondok berada di persimpangan berikutan pelbagai cabaran dan kekangan dihadapi.

“Ini memerlukan perhatian serius semua pihak untuk memastikan ia tidak hilang ditelan zaman atau menguncup dari segi peranan dan pengaruhnya,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan sentiasa mencari hala tuju paling jelas dan pendekatan efektif bagi memantapkan institusi pondok di negara ini.

“Resolusi ijtimak ini dapat memberi dimensi baharu dalam wakaf yang akan menggalakkan ramai umat Islam membantu pendidikan amnya dan pondok khasnya dengan dana wakaf,” katanya.

→ Lagi laporan Ijtimak Pondok Malaysia Ms.24